

# Tak selesa bau air kumbahan

>>Oleh Mohamad Yatim Latip  
am@hmetro.com.my

**M**ELAKA: Pencemaran bau busuk didakwa berpunca daripada masalah saliran keluar air kumbahan di Kampung Limbongan menimbulkan keresahan dan ketidakselesaan penduduk terutama selepas hujan.

Lebih memburukkan keadaan apabila air kumbahan di saluran longkang di kawasan berkenaan bertukar hitam pekat, sekaligus menyebabkan bau busuk me-

nyelinap ke udara.

Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Lim Eng Teck berkata, aduan mengenai masalah berkenaan sudah dua kali dikemukakan kepada pihak berkenaan termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), namun belum ada tindakan sewajarnya.

Menurutnya, aduan pertama dibuat sebelum Aidilfitri lalu berkaitan air kum-

>**LIHAT MUKA 2**



**JIJIK...keadaan air kumbahan saluran longkang berwarna hitam pekat menimbulkan bau busuk.**

# Projek tambak laut sekat aliran air longkang

## >DARI MUKA 1

bahan pada longkang sepanjang dua kilometer terbabit dikatakan tersekat dan susulan itu, kontraktor terbabit bertindak mengorek pasir yang dijadikan saluran keluar longkang, namun ia bersifat sementara.

“Masalah wujud semula apabila kerap berlaku hujan sehingga mengakibatkan saluran longkang sementara dibina terkambus semula. Kini, air kumbahan yang mengalir menerusi longkang tidak dapat mengalir keluar mengakibatkan sampah-sarap tersekat,” katanya.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kampung itu, Kamarudin Jaafar.

Lim berkata, berikutan itu, pihaknya mencadangkan pihak berkenaan membuat saluran longkang lain bagi saliran keluar kumbahan yang kekal dan sempurna supaya masalah itu dapat diatasi dengan berkesan.

“Walaupun projek tambakan tambak laut giat dijalankan, namun perlu ada satu pelan utama yang mana terdapat laluan saluran longkang yang mengalir terus ke laut. Untuk mengatasi masalah ini, penyelesaian seharusnya dilakukan bagi menangani kesulitan yang timbul,” katanya.

Menurut Lim, masalah kumbahan yang wujud di kampung terbabit berpunca daripada keadaan saluran longkang yang bengkok-bengkok, selain tidak mempunyai sistem saluran

keluar sewajarnya sekali gus mampu menyebabkan kejadian banjir kilat.

“Pihak Jawatankuasa Penyelaras dan Pembangunan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Kesidang akan mengadakan sesi dialog antara penduduk, pemaju dan JPS bagi membincangkan masalah berkenaan.

“Selain itu, pihak berkaitan juga perlu melakukan kajian paras air laut dan jika perlu, satu rumah pam hendaklah dibina supaya mampu mengawal aliran air kumbahan ke laut,” katanya.

Sementara itu, Kamarudin berkata, masalah berkenaan wujud disebabkan sistem saluran keluar longkang di kawasan berkenaan tersekat oleh projek tambak laut yang dibangunkan sejak beberapa tahun lalu.